

Mengintegrasikan Heutagogi dalam Kurikulum: Cabaran dan Masa Depan

(Integrating Heutagogy into the Curriculum: Challenges and Future Prospects)

Nurul Aisyah Kamrozzaman^{1*}, Sofia Elias¹, Amy Liew Xiu Jie¹,
Noor Sahirah Md Nayan²

¹ Faculty of Education and Humanities, UNITAR International University, Petaling Jaya, Malaysia

² College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

*Pengarang Koresponden: aisyah.kamrozzaman@unitar.my

Received: 22 March 2025 | Accepted: 2 May 2025 | Published: 1 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2025.7.3.19>

Abstrak: *Kurikulum pendidikan tradisional yang berfokuskan pengajaran berpusatkan guru semakin dilihat tidak mencukupi dalam mempersiapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan dalam dunia yang semakin kompleks dan pesat. Dalam konteks Revolusi Industri 4.0 (RI4), yang dicirikan oleh kemajuan teknologi yang pesat dan automasi, sistem pendidikan perlu menyesuaikan diri untuk memenuhi keperluan masyarakat moden yang semakin dinamik. Heutagogi, atau pembelajaran sendiri yang lebih autonomi, menawarkan satu pendekatan alternatif yang memberi penekanan kepada kebebasan pelajar dalam merancang dan melaksanakan pembelajaran mereka sendiri. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran berfikir kritis, kreativiti, serta keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan. Walaupun banyak manfaat yang ditunjukkan, pengintegrasian heutagogi dalam pendidikan formal menghadapi pelbagai cabaran, termasuk perubahan dalam peranan pendidik, kesiediaan pelajar, dan kelenturan kurikulum. Kertas konsep ini meneroka cabaran-cabaran tersebut dan membentangkan peluang untuk pengintegrasian heutagogi yang berkesan dalam kurikulum, selaras dengan agenda pendidikan global seperti rangka kerja Pendidikan 2030 UNESCO. Penekanan yang diberikan berpotensi mengtransformasikan heutagogi dalam memperkasa kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, serta mempersiapkan pelajar untuk tenaga kerja masa depan dalam dunia yang semakin digital dan automasi.*

Kata Kunci: Heutagogi, pembelajaran sendiri, kurikulum fleksibel, pendidikan tinggi, Revolusi Industri 4.0

Abstract: *The traditional educational curriculum, primarily focused on teacher-led instruction, is increasingly seen as insufficient in equipping students with the skills required in today's complex and fast-paced world. In the context of the Fourth Industrial Revolution (4IR), characterized by rapid technological advancements and automation, education systems must adapt to meet the dynamic needs of modern society. Heutagogy, or self-determined learning, presents an alternative pedagogical approach that emphasizes student autonomy in planning and conducting their own learning. This model focuses on developing critical thinking, creativity, and the ability to adapt to change. Despite the potential benefits, the integration of heutagogy into formal education faces several challenges, including shifts in the role of educators, student readiness, and the flexibility of curricula. This article explores these*

challenges and presents opportunities for the effective integration of heutagogy into the curriculum, aligning it with global educational agendas such as UNESCO's Education 2030 framework. The paper highlights the transformative potential of heutagogy to foster lifelong learning skills, preparing students for the future workforce in an increasingly digital and automated world.

Keywords: Heutagogy, self-directed learning, flexible curriculum, higher education, Fourth Industrial Revolution (4.0)

1. Pendahuluan

Kurikulum pendidikan tradisional, yang mengutamakan peranan guru sebagai penyampai ilmu, kini dilihat tidak mencukupi untuk mempersiapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan dalam dunia yang semakin kompleks. Dalam konteks Revolusi Industri 4.0, yang dicirikan oleh perkembangan pesat dalam bidang teknologi dan automasi, sistem pendidikan perlu menyesuaikan diri untuk memenuhi keperluan masyarakat moden yang semakin dinamik. Perubahan teknologi yang pesat dan keperluan untuk menyesuaikan diri dengan industri yang sentiasa berubah memberi tekanan kepada sistem pendidikan untuk menyediakan pendekatan yang lebih fleksibel dan berpusatkan pelajar. Sebagai contoh, laporan oleh UNESCO (2015) menekankan bahawa pendidikan abad ke-21 memerlukan pendekatan yang mengutamakan kemahiran abad ke-21, termasuk kreativiti, pemikiran kritis, dan kebolehan untuk beradaptasi dalam menghadapi perubahan.

Heutagogi, atau pembelajaran sendiri yang lebih autonomi, menawarkan satu pendekatan alternatif yang memfokuskan kepada kebebasan pelajar dalam merancang dan melaksanakan pembelajaran mereka sendiri. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran berpikir kritis, kreativiti, serta keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan semasa. Menurut Hase dan Kenyon (2000), heutagogi memperkenalkan satu paradigma pembelajaran yang lebih fleksibel dan berpusatkan pelajar, di mana pelajar bertanggungjawab penuh terhadap proses pembelajaran mereka. Ini membolehkan pelajar bukan sahaja memperoleh pengetahuan tetapi juga meningkatkan kemahiran dalam pengurusan pembelajaran mereka, yang menjadi amat penting dalam dunia yang dipenuhi oleh perubahan cepat.

Walaupun banyak kajian yang menunjukkan manfaat heutagogi, pelaksanaannya dalam sistem pendidikan formal berhadapan dengan pelbagai cabaran. Sebagai contoh, kajian oleh Blaschke (2012) menyatakan beberapa cabaran dalam melaksanakan heutagogi, termasuk kesediaan pelajar dan perubahan dalam peranan pendidik yang lebih daripada sekadar penyampai ilmu. Selain itu, dalam laporan Bank Dunia (2018) mengenai pendidikan global, organisasi tersebut menekankan pentingnya pendidikan yang memberi tumpuan kepada kemahiran abad ke-21, termasuk pembelajaran sendiri dan fleksibiliti dalam kurikulum untuk memenuhi keperluan pasaran kerja global.

Sebagai respons kepada cabaran pendidikan global, UNESCO dalam 'Education 2030: Incheon Declaration and Framework for Action' (2015) menggariskan bahawa pendidikan harus menyediakan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk kehidupan dan pekerjaan yang berkelanjutan. Ia juga menekankan pentingnya fleksibiliti dalam pembelajaran, yang menjadi landasan utama bagi heutagogi untuk berkembang. Pendekatan ini sejajar dengan pelan tindakan global yang disokong oleh banyak negara, termasuk Malaysia, yang komited untuk

memperkenalkan pembelajaran yang lebih fleksibel dan disesuaikan dengan keperluan masa depan.

Dengan menghubungkan heutagogi kepada agenda global ini, jelas bahawa pengintegrasian heutagogi dalam kurikulum pendidikan adalah suatu langkah yang tepat dan relevan dalam menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan cabaran serta peluang yang ada dalam mengintegrasikan heutagogi dalam kurikulum pendidikan, dengan mengambil kira pandangan dan saranan yang ditawarkan oleh kajian-kajian lepas serta dasar-dasar pendidikan antarabangsa seperti yang digariskan oleh UNESCO dan Bank Dunia.

2. Heutagogi: Pembelajaran Berdasarkan Pilihan dan Kendiri

Heutagogi pertama kali diperkenalkan oleh Hase dan Kenyon (2000) sebagai pendekatan pembelajaran yang memberi kebebasan penuh kepada pelajar untuk mengawal proses pembelajaran mereka. Berbeza dengan pedagogi dan andragogi, heutagogi menempatkan pelajar di pusat pembelajaran. Pedagogi merujuk kepada pendekatan yang dikendalikan oleh guru, di mana guru adalah sumber utama ilmu dan kawalan pembelajaran. Andragogi, sebaliknya, lebih berfokus kepada pembelajaran orang dewasa, yang mengutamakan pengalaman mereka sebagai asas dalam proses pembelajaran dan menggalakkan pengajaran yang bersifat fasilitatif. Dalam heutagogi, pelajar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa yang mereka pelajari, bagaimana ia dipelajari, dan bila ia dipelajari. Pendekatan heutagogi membolehkan pelajar membuat keputusan mengenai topik pembelajaran mereka, menetapkan matlamat pembelajaran mereka sendiri, serta menilai kemajuan mereka. Hal ini menggalakkan pembelajaran sendiri yang lebih mendalam, berfokus kepada pembangunan kemahiran refleksi diri, keupayaan menguruskan pembelajaran, dan kebolehan untuk beradaptasi dengan teknologi baru serta keperluan industri yang sentiasa berubah. Dalam konteks pendidikan tinggi, heutagogi menawarkan peluang untuk mengubah cara pembelajaran dilaksanakan. Pelajar diberi kebebasan untuk memilih topik yang ingin dipelajari, menetapkan matlamat mereka sendiri, dan menilai kemajuan mereka tanpa bergantung sepenuhnya kepada kurikulum yang ditetapkan oleh pendidik. Kajian-kajian lepas menunjukkan manfaat dan cabaran dalam mengimplementasikan heutagogi dalam sistem pendidikan. Blaschke (2012), dalam kajian mengenai heutagogi dan pembelajaran sepanjang hayat, mendapati bahawa pendekatan ini bukan sahaja memberi pelajar kebebasan untuk memilih apa yang mereka pelajari, tetapi juga membantu mereka mengembangkan kemahiran pengurusan pembelajaran dan refleksi diri yang lebih baik. Dalam kajian tersebut, Blaschke menyatakan bahawa pelajar yang belajar secara autonomi cenderung untuk lebih terlibat dalam pembelajaran mereka dan memperlihatkan prestasi yang lebih baik dalam tugas-tugas yang memerlukan kreativiti dan pemikiran kritis. Ini turut menyokong penemuan Hase dan Kenyon (2000) dan Rinaldi et al., 2024 yang menegaskan bahawa heutagogi memberi peluang untuk mengembangkan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan berorientasikan pengalaman seterusnya membawa kepada prestasi yang lebih baik dalam persekitaran pendidikan dalam talian.

Kajian Mwinkaar & Lonibe (2024) menyatakan bahawa kelebihan utama pendekatan heutagogi adalah keupayaannya dalam menggalakkan pemikiran kritis, autonomi pembelajaran serta kompetensi pembelajaran sepanjang hayat. Metodologi ini melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk menetapkan matlamat secara bebas, menentukan strategi pembelajaran, serta menilai kemajuan mereka, sekali gus menyediakan mereka secara berkesan untuk persekitaran profesional dunia sebenar dan cabaran yang bakal ditempuhi. Penggunaan pendekatan heutagogi di universiti terbukti memberi kesan positif terhadap perkembangan

kemahiran kritikal dalam kalangan pelajar. Pelajar yang diberikan kebebasan dalam proses pembelajaran lebih cenderung untuk mengambil inisiatif dalam pencarian ilmu dan bertindak lebih kreatif dalam menyelesaikan masalah (Blaschke, 2012). Ini membuktikan bahawa heutagogi berupaya mengasah kemahiran yang diperlukan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan yang semakin kompetitif dan berubah dengan pantas (Hase & Kenyon, 2007). Namun begitu, bagi memastikan integrasi heutagogi dapat dilaksanakan secara berkesan dalam kurikulum pendidikan, beberapa perubahan perlu dilaksanakan dalam sistem pendidikan sedia ada. Ini termasuk penyesuaian peranan pendidik sebagai fasilitator pembelajaran, penstrukturan semula kurikulum agar lebih fleksibel, serta pembaharuan dalam kaedah penilaian untuk sejajar dengan prinsip pembelajaran sendiri (Canning, 2010; Cochrane, Narayan, & Oldfield, 2013).

Oleh itu, integrasi heutagogi memerlukan usaha bersama daripada pendidik dan penggubal dasar untuk memastikan ia dilaksanakan dengan berkesan, dengan memberi tumpuan kepada pembelajaran sendiri yang lebih mendalam dan kemahiran abad ke-21 yang relevan dengan dunia moden. Kajian Kamrozzaman et al. (2020) menyatakan bahawa penerapan heutagogi menerusi peranti mudah alih seperti telefon pintar sangat berkesan untuk pembelajaran sepanjang hayat kerana ia fleksibel dan mudah diakses oleh pelajar dewasa.

3. Transformasi Peranan Pendidik: Dari Penyampai Ilmu ke Fasilitator Heutagogi

Pendekatan heutagogi, yang berfokus pada pembelajaran yang ditentukan sendiri, membawa transformasi besar dalam peranan pendidik dalam sistem pendidikan. Berbeza dengan paradigma pedagogi tradisional di mana pendidik berfungsi sebagai penyampai pengetahuan utama yang mengawal proses pembelajaran, pendekatan heutagogi menuntut peralihan yang mendalam. Dalam konteks heutagogi, pendidik beralih menjadi fasilitator yang berperanan untuk menyokong pelajar dalam merancang, melaksanakan, dan menilai pembelajaran mereka sendiri, menjadikan pelajar sebagai pusat dalam proses pembelajaran. Perubahan ini bukan hanya mengutamakan penguasaan kandungan akademik tetapi juga memperkasa pembangunan kemahiran sendiri pelajar yang kritikal untuk menghadapi cabaran dunia moden yang kompleks (Hase & Kenyon, 2000).

Sebagai fasilitator, pendidik dalam konteks heutagogi perlu memupuk dan memberi sokongan kepada pelajar dalam mengembangkan kebolehan untuk mengambil inisiatif dalam pembelajaran mereka. Fasilitator perlu mencipta persekitaran pembelajaran yang memupuk kebebasan dan keterbukaan, di mana pelajar diberi kuasa untuk memilih topik yang mereka ingin pelajari, menetapkan matlamat pembelajaran, dan menilai kemajuan mereka sendiri. Keputusan pelajar mengenai arah pembelajaran mereka didorong oleh minat dan keperluan peribadi, membolehkan pembelajaran menjadi lebih bermakna dan relevan (Blaschke, 2012). Dalam peranan ini, pendidik tidak hanya menyediakan sumber dan bahan yang relevan tetapi juga bertindak sebagai panduan untuk membimbing pelajar melalui proses refleksi dan penilaian diri, tanpa campur tangan yang berlebihan yang boleh menyekat kebebasan pelajar dalam belajar secara sendiri.

Strategi-strategi utama dalam memudahkan transisi ini melibatkan pendekatan pengajaran yang lebih berbentuk bimbingan dan sokongan, berbanding dengan pengajaran tradisional yang lebih berpusatkan penyampaian maklumat. Pendidik perlu menggunakan kaedah yang mendorong pelajar untuk berfikir secara kritis, bekerjasama dalam kumpulan, dan menyelesaikan masalah secara sendiri. Kajian oleh Blaschke (2012) menegaskan bahawa penggunaan pendekatan berbentuk bimbingan meningkatkan keterlibatan pelajar dalam

pembelajaran mereka, di mana mereka lebih terdorong untuk mengembangkan kemahiran penyelesaian masalah dan kreativiti. Dengan menggalakkan refleksi diri, pendidik membantu pelajar mengkaji kembali proses pembelajaran mereka, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka, serta memperbaiki pendekatan yang digunakan untuk belajar.

Penilaian dalam heutagogi juga memerlukan perhatian khusus. Dalam pendekatan ini, penilaian bukan sekadar untuk mengukur hasil akhir tetapi lebih kepada proses pembelajaran dan perkembangan berterusan pelajar. Teknik penilaian formatif yang memberikan maklum balas berterusan sangat penting dalam membantu pelajar memperbaiki kemajuan mereka. Menurut Blaschke & Marin (2020), penilaian dalam heutagogi lebih bersifat reflektif dan berdasarkan portfolio yang membolehkan pelajar menunjukkan perkembangan mereka sepanjang proses pembelajaran. Dengan kaedah ini, pendidik boleh menilai kemajuan pelajar berdasarkan pelbagai aspek, termasuk pengurusan masa, pencapaian matlamat pembelajaran, serta kemahiran pengurusan pembelajaran yang diperolehi.

Salah satu cabaran utama dalam menerapkan heutagogi adalah menyediakan sokongan dalam pembangunan kemahiran pengurusan diri pelajar. Dalam konteks ini, pendidik perlu memastikan pelajar memiliki kemahiran yang diperlukan untuk mengatur masa, merancang pembelajaran, dan mengatasi cabaran yang timbul sepanjang proses pembelajaran mereka. Kemahiran pengurusan diri ini menjadi semakin penting dalam dunia pendidikan yang semakin bergantung kepada pembelajaran fleksibel dan berasaskan teknologi. Hase dan Kenyon (2000) menekankan bahawa pelajar yang dilatih dalam pengurusan pembelajaran mereka sendiri lebih mampu untuk terus belajar secara mandiri sepanjang hayat mereka, yang merupakan kemahiran penting dalam dunia pekerjaan yang sentiasa berubah.

Secara keseluruhannya, peranan pendidik sebagai fasilitator dalam heutagogi memerlukan perubahan yang mendalam dalam gaya pengajaran mereka. Pendidik harus berfungsi bukan hanya sebagai penyampai pengetahuan tetapi sebagai pemandu yang membantu pelajar berkembang dalam aspek pengurusan pembelajaran, kreativiti, dan pemikiran kritis. Pendidik juga perlu memastikan bahawa pembelajaran berlangsung dalam persekitaran yang menyokong pembelajaran sendiri, di mana pelajar dapat mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia yang penuh cabaran ini (Blaschke & Hase, 2015). Pendekatan ini, yang berfokus pada pembangunan kemahiran abad ke-21, dapat memperkasakan pelajar untuk menjadi lebih berdikari, inovatif, dan siap menghadapi perubahan yang akan datang.

4. Perbandingan Heutagogi dengan Paradigma Pembelajaran Lain

Dalam landskap pendidikan yang sedang berkembang, keperluan untuk pendekatan yang lebih fleksibel dan berpusatkan pelajar semakin jelas. Antara pelbagai model pedagogi yang telah muncul, Heutagogi, Pedagogi, dan Andragogi mewakili rangka kerja utama yang sesuai untuk konteks dan populasi pembelajaran yang berbeza. Bahagian ini membandingkan paradigma-paradigma ini untuk menjelaskan bagaimana Heutagogi menonjol dalam memupuk pembelajaran autonomi dan tanggungjawab peribadi.

Pedagogi: Pembelajaran Berpusatkan Guru

Pedagogi, model tradisional pendidikan, adalah berpusatkan guru. Ia menekankan guru sebagai pihak berkuasa utama dan pemegang pengetahuan, dengan pelajar dijangka menerima dan menghafal kandungan secara pasif. Guru mengawal kurikulum, kadar pembelajaran, dan proses penilaian. Model ini biasanya ditemui dalam pendidikan peringkat rendah dan

menengah dan telah lama dikritik kerana kurangnya penglibatan pelajar sebagai pembelajar aktif. Ia sering dikatakan bahawa pedagogi membataskan perkembangan kemahiran berfikir kritikal dan penyelesaian masalah (Nikmohammadi & Araghieh (2024).

Namun begitu, dalam konteks tertentu, terutamanya bagi pelajar yang lebih muda atau mereka yang baru mempelajari sesuatu subjek, pedagogi tetap merupakan pendekatan yang berkesan untuk menyampaikan pengetahuan asas. Guru, dalam model ini, berperanan sebagai pemancar pengetahuan, menyediakan bimbingan dan penilaian yang tersusun. Pedagogi menekankan laluan pembelajaran yang terstruktur dan penilaian standard, yang boleh membantu menghasilkan hasil pembelajaran yang seragam.

Andragogi: Pembelajaran Dewasa dan Pengarah Sendiri

Sebaliknya, Andragogi memberi tumpuan kepada pelajar dewasa, mengakui pengalaman hidup mereka dan motivasi intrinsik sebagai perkara utama dalam proses pembelajaran. Berbanding dengan pedagogi, andragogi menggalakkan pendekatan pembelajaran yang lebih fleksibel dan pengarah diri, di mana pelajar mengambil tanggungjawab yang lebih besar terhadap perjalanan pendidikan mereka. Peranan guru beralih menjadi fasilitator, menawarkan sokongan dan panduan, bukannya mendiktekan proses pembelajaran. Model ini sangat sesuai dengan keperluan pelajar dewasa yang sering mengimbangi pendidikan dengan tanggungjawab peribadi dan profesional.

Prinsip-prinsip andragogi, seperti yang dinyatakan oleh Knowles (1980), menekankan bahawa orang dewasa belajar dengan lebih baik apabila mereka terlibat dalam merancang, menilai, dan merenung pembelajaran mereka. Walaupun andragogi menawarkan lebih banyak autonomi berbanding pedagogi, ia masih meletakkan had terhadap kebebasan pelajar, kerana ia direka untuk disesuaikan dengan struktur pendidikan formal. Pendidik masih bertanggungjawab untuk merancang struktur kursus dan mencipta pengalaman pembelajaran yang selaras dengan matlamat pelajar.

Heutagogi: Paradigma Pembelajaran Autonomi

Heutagogi, sebaliknya, membawa autonomi pelajar ke tahap yang lebih tinggi. Diperkenalkan oleh Hase dan Kenyon (2000), paradigma ini mengalihkan tanggungjawab pembelajaran sepenuhnya kepada pelajar. Dalam heutagogi, pelajar bukan sekadar peserta dalam proses pendidikan; mereka adalah arkitek perjalanan pembelajaran mereka. Kajian oleh Kamrozzaman et al. (2020) menunjukkan bahawa penggunaan elemen-elemen heutagogi seperti meneroka, mencipta, berhubung, berkongsi, refleksi, dan kolaborasi dalam modul pembelajaran berasaskan peranti mudah alih sangat relevan dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat secara fleksibel. Heutagogi menggalakkan pelajar untuk menetapkan matlamat pembelajaran mereka sendiri, memilih kaedah pembelajaran mereka, dan menilai kemajuan mereka sendiri.

Perbezaan utama antara heutagogi dan pendahulunya terletak pada tahap autonomi yang diberikan kepada pelajar. Sementara pedagogi dikawal oleh guru dan andragogi membenarkan pelajar untuk mengarah diri mereka dalam tahap tertentu, heutagogi memberikan kawalan sepenuhnya kepada pelajar. Pendekatan ini menggalakkan penglibatan yang lebih mendalam dengan proses pembelajaran, memupuk refleksi diri, dan mempersiapkan pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat. Menurut Blaschke (2012), heutagogi sangat relevan dalam konteks Revolusi Industri Keempat, di mana pembelajaran sendiri yang berterusan adalah penting untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan pasaran pekerjaan yang berkembang.

Heutagogi bukan sahaja meningkatkan kebebasan pelajar tetapi juga menggalakkan perkembangan kemahiran berfikir kritikal, kreativiti, dan penyelesaian masalah. Ia mempromosikan pengawalan diri dan pembelajaran sepanjang hayat (Hase & Kenyon, 2000). Dalam persekitaran heutagogi, pembelajaran tidak terhad kepada tetapan bilik darjah tradisional atau kurikulum yang terstruktur; sebaliknya, ia adalah proses berterusan yang berlaku di dalam dan di luar struktur pendidikan formal.

Penekanan heutagogi terhadap autonomi pelajar dianggap sebagai kekuatan utamanya. Dengan mengalihkan tumpuan dari pendidikan berpusatkan guru kepada pendidikan yang dipacu oleh pelajar, ia memupuk kemahiran penting untuk kejayaan pada abad ke-21, seperti kebolehsuaian, ketahanan, dan pembelajaran berterusan. Menurut Blaschke & Hase (2015), pelajar yang terlibat dalam persekitaran pembelajaran heutagogik cenderung lebih proaktif dalam usaha pendidikan mereka, menunjukkan lebih banyak pemilikan terhadap pembelajaran mereka, dan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dunia sebenar.

5. Cabaran dalam Mengintegrasikan Heutagogi ke dalam Kurikulum Pendidikan

Integrasi pendekatan heutagogi dalam kurikulum pendidikan menawarkan potensi besar untuk memperkasakan pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Namun, pelaksanaan pendekatan ini tidak terlepas daripada cabaran-cabaran tertentu yang memerlukan perhatian dan penyelesaian yang strategik. Heutagogi, yang memberi penekanan terhadap autonomi dan tanggungjawab pelajar dalam proses pembelajaran mereka, memerlukan transformasi ketara terhadap struktur pendidikan tradisional.

Antara cabaran utama dalam penerapan heutagogi ialah perubahan signifikan dalam peranan pendidik. Dalam sistem pendidikan tradisional, pendidik bertindak sebagai sumber utama ilmu dan pengawal proses pembelajaran. Sebaliknya, heutagogi mengubah peranan ini kepada fasilitator yang membantu pelajar dalam merancang, melaksanakan, serta menilai pembelajaran mereka sendiri. Menurut Blaschke (2012), perubahan ini menuntut pendidik bertindak lebih fleksibel sebagai mentor, yang mana mereka perlu membimbing pelajar tanpa mengawal sepenuhnya proses pembelajaran tersebut. Transisi ini bukan sahaja kompleks tetapi juga mencabar bagi pendidik yang terbiasa dengan pendekatan yang lebih autoritarian. Oleh itu, latihan profesional yang berterusan diperlukan untuk membantu pendidik menyesuaikan diri dengan peranan baharu ini. Blaschke & Marin (2020) turut menyarankan pentingnya sokongan yang berterusan bagi memperkukuhkan kompetensi pendidik dalam konteks pembelajaran berpusatkan pelajar.

Cabaran kedua melibatkan kesediaan pelajar untuk menerima autonomi yang diberikan oleh pendekatan heutagogi. Pendekatan ini memerlukan kematangan serta disiplin diri yang tinggi daripada pelajar kerana mereka perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembelajaran mereka sendiri. Menurut Blaschke (2012), pelajar yang terbiasa dengan sistem pendidikan yang terstruktur mungkin menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan diri kepada pembelajaran yang lebih terbuka dan kurang terarah. Kajian Hase dan Kenyon (2000) turut menegaskan bahawa pelajar perlu memiliki kesiapsiagaan untuk mengurus proses pembelajaran mereka secara mandiri. Oleh itu, pendedahan awal terhadap kemahiran pembelajaran sendiri seawal pendidikan rendah dan menengah amat penting untuk membantu pelajar lebih bersedia menghadapi persekitaran pembelajaran yang lebih autonomi pada peringkat pendidikan tinggi. Selain itu, cabaran ketiga adalah berkaitan fleksibiliti kurikulum. Kurikulum pendidikan formal lazimnya bersifat rigid dengan garis panduan ketat mengenai kandungan dan kaedah pengajaran. Untuk mengintegrasikan heutagogi, struktur kurikulum perlu diubahsuai bagi

memberi lebih banyak kebebasan kepada pelajar dalam menentukan topik serta kaedah pembelajaran mereka sendiri. Menurut Nikmohammadi & Araghieh (2024), kurikulum yang bersifat modular dan fleksibel amat penting untuk mengakomodasi keperluan dan minat pelajar yang pelbagai. Walau bagaimanapun, perubahan ini mungkin mencetuskan kebimbangan dalam kalangan penggubal dasar pendidikan yang perlu memastikan piawai pendidikan tetap terjamin. Oleh itu, kurikulum perlu direka bentuk secara seimbang, menggabungkan kebebasan dalam pembelajaran dengan pencapaian objektif pendidikan yang jelas. Kamrozzaman et al. (2023) melihat pendekatan ini sebagai satu langkah penting dalam usaha memulihkan sektor pendidikan, khususnya dalam konteks pasca pandemik Covid-19 yang menuntut pembelajaran digital yang lebih lestari.

Cabaran terakhir adalah berkaitan dengan penilaian dalam pendekatan heutagogi. Penilaian tradisional biasanya tertumpu kepada hasil akhir pembelajaran seperti peperiksaan, manakala heutagogi memerlukan kaedah penilaian yang lebih reflektif dan holistik, menilai bukan sahaja hasil akhir tetapi juga proses pembelajaran itu sendiri. Menurut Blaschke (2012), pendekatan penilaian heutagogi perlu melibatkan kaedah seperti portfolio, refleksi diri, dan penilaian rakan sebaya yang membolehkan pelajar menilai kemajuan pembelajaran mereka secara berterusan. Penilaian formatif yang memberi maklum balas berterusan juga penting untuk membantu pelajar meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.

6. Masa Depan Pendidikan: Heutagogi dalam Pendidikan dan Kurikulum

Dalam menghadapi perubahan global yang pesat yang didorong oleh kemajuan teknologi, automasi, dan permintaan yang semakin tinggi dari tenaga kerja moden, model pendidikan tradisional sedang diperiksa keberkesannya dalam menyediakan pelajar untuk masa depan. Seiring dengan evolusi industri, pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran yang melebihi sekadar menghafal dan ujian berstandard. Dalam konteks ini, Heutagogi, satu model pendidikan yang berpusatkan pelajar dan menggalakkan pembelajaran sendiri, menawarkan pendekatan transformasi untuk menyediakan pelajar bagi berkembang dalam dunia yang tidak menentu dan dinamik. Bahagian ini meneroka bagaimana heutagogi dapat mengubah pendidikan dan kurikulum untuk memenuhi cabaran dan peluang masa depan.

Heutagogi: Peralihan daripada Pendidikan Berpusatkan Guru kepada Pendidikan Berpusatkan Pelajar

Heutagogi, yang pertama kali diperkenalkan oleh Hase dan Kenyon (2000), adalah satu model pembelajaran di mana pelajar mengambil tanggungjawab terhadap proses pembelajaran mereka. Berbeza dengan model pedagogi tradisional yang menempatkan guru sebagai pusat proses pendidikan, Heutagogi memberi kuasa kepada pelajar untuk menetapkan matlamat pembelajaran mereka sendiri, memilih kaedah pembelajaran yang paling sesuai untuk mereka, dan menilai kemajuan mereka. Paradigma ini mengalihkan fokus daripada penyampaian kandungan oleh guru kepada pembangunan pengawalan diri dan autonomi dalam kalangan pelajar.

Dalam dunia yang berubah dengan pantas yang didorong oleh inovasi teknologi, pelajar perlu menjadi pembelajar sepanjang hayat yang mampu menyesuaikan diri dengan pengetahuan dan kemahiran baru. Heutagogi membolehkan ini tercapai dengan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menggalakkan penerokaan bebas dan pemikiran kritikal. Melalui pembelajaran heutagogi, pelajar belajar untuk mengurus pembelajaran mereka, menetapkan matlamat peribadi, dan membuat refleksi mengenai kemajuan mereka—kemahiran yang penting untuk mengharungi cabaran kompleks di masa depan (Blaschke, 2012).

Mengintegrasikan Heutagogi dalam Kurikulum

Salah satu perubahan paling signifikan yang diperlukan untuk menyediakan pelajar bagi masa depan adalah integrasi Heutagogi dalam kurikulum. Kurikulum tradisional sering kali kaku, dengan urutan kandungan yang telah ditetapkan yang meninggalkan sedikit ruang untuk pilihan pelajar atau kelonggaran. Namun, dalam konteks heutagogi, kurikulum seharusnya fleksibel dan dapat disesuaikan, membolehkan pelajar mengambil alih pengalaman pembelajaran mereka.

Mengintegrasikan heutagogi dalam kurikulum melibatkan perubahan besar dalam cara kandungan disampaikan dan dinilai. Ini memerlukan peralihan daripada pengajaran berpusatkan guru yang berstandard kepada pendekatan yang lebih berpusatkan pelajar. Kurikulum seharusnya direka bentuk untuk membolehkan penerokaan minat individu, yang mendorong rasa motivasi intrinsik. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan penglibatan, tetapi juga mempromosikan pembangunan kemahiran penting seperti penyelesaian masalah, pemikiran kritikal, dan kreativiti—kemahiran yang tidak ternilai dalam dunia yang sentiasa berubah (Blaschke & Marin (2020)).

Sebagai contoh, model kurikulum moden boleh direka bentuk untuk memasukkan pembelajaran berasaskan projek, di mana pelajar diberi kebebasan untuk memilih projek berdasarkan minat peribadi, matlamat kerjaya, atau trend yang muncul dalam industri. Keluwesan ini menggalakkan pembelajaran mendalam dan penglibatan, membantu pelajar menghubungkan pengetahuan teori dengan aplikasi dunia sebenar. Selain itu, heutagogi juga boleh diterapkan melalui pembelajaran antara disiplin, membolehkan pelajar meneroka hubungan antara pelbagai subjek dan menyelesaikan masalah kompleks yang memerlukan pengetahuan dari pelbagai bidang.

Pembelajaran Sepanjang Hayat: Menyediakan Pelajar untuk Tenaga Kerja Masa Depan

Salah satu cabaran utama yang dihadapi pendidikan hari ini adalah keperluan untuk menyediakan pelajar untuk tenaga kerja yang berubah dengan cepat. Memandangkan industri terus berkembang melalui automasi, kecerdasan buatan (AI), dan teknologi digital, permintaan untuk kemahiran seperti keupayaan menyesuaikan diri, pemikiran kritikal, dan kolaborasi semakin meningkat. Heutagogi sangat sesuai untuk memenuhi keperluan ini, kerana ia menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kemahiran yang penting untuk kejayaan dalam ekonomi yang digerakkan oleh AI.

Menurut Forum Ekonomi Dunia (2020), kemahiran seperti penyelesaian masalah, pemikiran kritikal, dan kreativiti akan menjadi antara kemahiran yang paling penting diperlukan dalam tenaga kerja masa depan. Heutagogi mempersiapkan pelajar untuk ini dengan menggalakkan mereka untuk berfikir secara bebas, mengambil inisiatif dalam pembelajaran mereka, dan terus menyesuaikan diri dengan pengetahuan dan teknologi baru. Melalui heutagogi, pelajar belajar bagaimana untuk belajar, yang merupakan kemahiran paling penting dalam dunia yang sentiasa berubah.

Penekanan terhadap pembelajaran sepanjang hayat ini memastikan pelajar tidak hanya bersedia untuk pekerjaan pertama mereka selepas tamat pengajian tetapi juga dilengkapi untuk meningkatkan dan mengubah kemahiran mereka apabila kerjaya mereka berkembang. Sebagai contoh, dalam sektor yang terkesan oleh automasi, pelajar yang telah menguasai kemahiran pengawalan diri dan pembelajaran sendiri akan lebih mudah untuk beralih ke peranan baru, memperoleh kemahiran baru, dan menyesuaikan diri dengan transformasi digital industri mereka.

Heutagogi dalam Dunia yang Didorong oleh Teknologi

Revolusi digital dan peningkatan penggunaan AI serta automasi sedang mengubah industri di seluruh dunia. Penekanan heutagogi terhadap pembelajaran sendiri sangat sesuai dengan kemahiran yang diperlukan untuk berkembang dalam dunia digital. Dengan memberi pelajar kawalan ke atas proses pembelajaran mereka, heutagogi menggalakkan mereka untuk meneroka pelbagai alat dan sumber digital yang tersedia untuk mereka.

Sebagai contoh, heutagogi boleh mengintegrasikan alat digital seperti platform pembelajaran dalam talian, alat kolaboratif, dan teknologi realiti maya (VR) atau realiti tambahan (AR) untuk meningkatkan pembelajaran. Teknologi-teknologi ini dapat menawarkan pengalaman pembelajaran yang diperibadikan, membolehkan pelajar meneroka pelbagai bidang dan mengembangkan kemahiran yang secara langsung berkaitan dengan ekonomi digital. Selain itu, penggunaan analitik pembelajaran berasaskan data boleh membantu pelajar menjejak kemajuan mereka, menetapkan matlamat, dan meningkatkan strategi pembelajaran mereka secara masa nyata.

Lebih jauh lagi, heutagogi mempromosikan pembangunan literasi digital dan kefasihan, keduanya sangat penting untuk kejayaan pelajar dalam pasaran kerja yang semakin maju teknologi. Dengan menyediakan peluang untuk pelajar berinteraksi dengan teknologi digital secara sendiri, heutagogi dapat membantu menutup jurang digital dan memastikan pelajar bersedia untuk tenaga kerja yang semakin bergantung kepada teknologi dan AI

7. Kesimpulan

Pengintegrasian heutagogi dalam kurikulum pendidikan tinggi mempunyai potensi besar dalam mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran global yang pesat berkembang, terutamanya dalam era Revolusi Industri 4.0. Pendekatan pembelajaran sendiri yang berfokuskan autonomi pelajar bukan sahaja memperkasakan mereka dalam merancang dan mengurus pembelajaran mereka sendiri, tetapi juga memupuk kemahiran penting seperti berfikir kritis, kreativiti, dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku. Walaupun cabaran dalam pelaksanaan heutagogi wujud, termasuk perubahan dalam peranan pendidik, kesiapsiagaan pelajar, dan keperluan untuk fleksibiliti kurikulum, strategi yang sesuai dapat membantu mengatasi halangan tersebut. Dengan menghubungkan heutagogi dengan dasar pendidikan global seperti yang digariskan oleh UNESCO dan Bank Dunia, serta mengambil kira keperluan pasaran pekerjaan masa depan, pendekatan ini mampu menyediakan pelajar dengan kemahiran abad ke-21 yang relevan untuk berjaya dalam dunia yang semakin bergantung pada teknologi dan automasi. Oleh itu, integrasi heutagogi dalam sistem pendidikan harus dipertimbangkan sebagai langkah transformasi yang penting untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan tinggi di masa depan.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UNITAR International University kerana memberikan sokongan untuk kajian ini.

Rujukan

- Blaschke, L. M. (2012). Heutagogy And Lifelong Learning: A Review Of The Literature. *International Review Of Research In Open And Distributed Learning*, 13(1), 56-71.
- Blaschke, L. M. (2021). The Dynamic Mix Of Heutagogy And Technology: Preparing Learners For Lifelong Learning. *British Journal Of Educational Technology*, 52(4), 1629-1645.

- Blaschke, L. M., & Hase, S. (2015). Heutagogy: A Holistic Framework For Creating 21st-Century Learning Environments. *International Journal Of Teaching And Learning In Higher Education*, 27(2), 220-232.
- Blaschke, L. M., & Marin, V. (2020). Applications Of Heutagogy In The Educational Use Of E-Portfolios. *Revista De Educación A Distancia (RED)*, 20(64), 1- 21
- Canning, N. (2010). Playing With Heutagogy: Exploring Strategies To Empower Mature Learners In Higher Education. *Journal Of Further And Higher Education*, 34(1), 59-71.
- Cochrane, T., Narayan, V., & Oldfield, J. (2013). Ipadagogy: Appropriating The Ipad Within Pedagogical Contexts. *International Journal Of Mobile Learning And Organisation*, 7(1), 48-65.
- Haryadi, R. N., Kartomo, T. K., & Sunarsi, D. (2025). Challenges And Opportunities In Adopting Heutagogy In Formal School Environments. *International Journal Of Social Sciences*, 1(1), 40-46.
- Hase, S. (2009). Self-Determined Learning: Heutagogy In Action. In J. W. S. Hase & R. K. Y. Kenyon (Eds.), *The Theory And Practice Of Heutagogy* (Pp. 1-9). Springer.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2000). Moving From Andragogy To Heutagogy: Implications For VET. *The International Journal Of Lifelong Education*, 19(1), 25-38.
- Hase, S., & Kenyon, C. (2007). Heutagogy: A Child Of Complexity Theory. *Complicity: Int. J. Complex. Educ*, 4(1), 111–118.
- Hase, S., & Kenyon, R. K. Y. (2000). From Andragogy To Heutagogy: The Implications For Adult Education. *Educational Philosophy And Theory*, 32(1), 25-34.
- Kamrozzaman, N. A., Badusah, J., & Mohammad, W. M. R. W. (2019). Heutagogy Approach: Effectiveness Of M-Learning For Lifelong Learning Education/Pendekatan Heutagogi: Keberkesanan M-Pembelajaran Untuk Pendidikan Sepanjang Hayat. *Sains Humanika*, 11(3).
- Kamrozzaman, N. A., Badusah, J., & Ruzanna, W. M. (2020). Development Of Heutagogy Approach In M-Learning For Sustainability Education. *Education And Information Technologies*, 25, 3035-3047.
- Kamrozzaman, N. A., Elias, S., Taha, N. M., & Ab Rahim, R. M. A. (2023). Peralihan Ke Fasa Endemik Covid-19 Di Malaysia: Pengaplikasian Pendekatan Heutagogi Untuk Pembelajaran Digital Teknologi Di Pengajian Tinggi. *International Journal Of Advanced Research In Education And Society*, 5(1), 150-163.
- Knowles, M. S. (1980). *The Modern Practice Of Adult Education: From Pedagogy To Andragogy*. Cambridge, The Adult Education Company.
- Moore, R. L. (2020). Developing Lifelong Learning With Heutagogy: Contexts, Critiques, And Challenges. *Distance Education*, 41(3), 381-401.
- Mwinkaar, L., & Lonibe, J. F. Y. (2024, May). Heutagogy As An Alternative In Teacher Education: Conceptions Of Lecturers And Pre-Service Teachers Of School Of Education And Life-Long Learning, SDD-UBIDS. In *Frontiers In Education* (Vol. 9, P. 1389661). Frontiers Media SA.
- Nikmohammadi, Z., & Araghieh, A. (2024). Designing A Heutagogy Curriculum Template For The Second Level Of High School. *Iranian Journal Of Educational Research*, 3(3), 189-204.
- Rinaldi, R., Wahyuni, D., & Hamzah, M. I. (2024). Heutagogy Approach In Supporting Online Learning System And Students'learning Motivation. *Jurnal Vokasi Mekanika*, 6(1), 1-6.
- UNESCO. (2015). *Education 2030: Incheon Declaration And Framework For Action*. Retrieved From <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000231827>.

- UNESCO. (2015). *UNESCO's Recommendation On Adult Learning And Education*. Retrieved From <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000232433>.
- World Bank. (2018). *Learning To Realize Education's Promise: World Development Report 2018*. Washington, D.C.: World Bank. Retrieved From <https://www.worldbank.org/en/publication/wdr2018>.